



MOHD. Fauzi Ramlan (tengah) melihat Pameran dan jualan orkid selepas melancarkan Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM di Bukit Ekspo UPM Serdang, Kelmarin. Turut sama Pengarah Taman Pertanian Universiti (TPU) UPM Prof. Dr. Wahid Haron.

TEKNIK penanaman tegak yang sesuai untuk pertanian bandar turut dipamerkan di ekspo sempena Konvokesyen UPM di Bukit Ekspo UPM Serdang.

PENGUNJUNG Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM di Bukit Ekspo UPM Serdang turut berpeluang membeli pelbagai jenis anak pokok buah-buahan pada harga yang berpatutan.

Peranan mendidik anak bangsa tidak pernah lari dari landasan ditetapkan sejak 82 tahun lalu

# Pertanian kekal tunjang utama UPM

**Ekspo Pertanian & Pesta Konvokesyen UPM**  
 25 - 30 Oktober 2013  
 Pertanian Bandaran Mempuk Kesejahteraan Rakyat

UPM  
 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
 UPM SERDANG

Utusan  
 Mingguan

Oleh SUFIAN HADI MOHD. SOJAK  
 pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 26 Okt. - Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-37 bermula semalam sehingga 30 Oktober ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, ekspo ini membolehkan pengunjung melihat lebih dekat pelbagai jenis tanaman dan penyelidikan berkaitan pertanian dan inovasi.

Tambahnya, penglibatan pelbagai pihak dalam ekspo kali ini bertujuan memberi ruang untuk mereka mengembangkan produk hasil keluaran masing-masing.

"Ekspo ini bukan sahaja mempamerkan hasil kerja dari pihak UPM, malah daripada pelajar, pengusaha luar dan pengaturcaraan turut diberikan.

"Ini kerana pameran tersebut dapat memberi ruang kepada mereka untuk memperkenalkan produk masing-masing kepada orang ramai," katanya ketika merasmikan ekspo itu di sini semalam.

Ekspo bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam setiap hari itu menentang pameran dan aktiviti berteraskan pertanian seperti jualan hasil pertanian serta produk hilir bertempat di Bukit Ekspo, Taman Pertanian Universiti UPM.

Jelas Fauzi, UPM tidak pernah lari dari landasan untuk mendidik anak bangsa terutama dalam bidang pertanian, pemakanan ataupun industri yang berkaitan dengan pertanian di negara ini.

"UPM sejak 82 tahun yang lalu, dibawakan di bumi Serdang berpaksikan kepada industri pertanian dan ini merupakan tunjang utama universiti dalam memartabatkan usaha-usaha individu," katanya.

Sementara itu bertepatan dengan tema 'Pertanian Bandaran Mempuk Kesejahteraan Rakyat', ekspo itu mengambil pendekatan memperkenalkan idea baharu dalam industri pertanian kepada pengunjung.

Tinjauan *Mingguan Malaysia* mendapati, sudut pameran pertanian bandaran itu mendedahkan kaedah terbaik bagi membolehkan masyarakat bandar melaksanakan aktiviti pertanian pada skala tertentu dan bersesuaian dengan lokasi kediaman.

Menurut Pegawai Pertanian UPM, **Muhammad Abdullah**, pertanian itu lebih ideal, mudah dan ringkas serta boleh ditanam untuk penghasilan sendiri makanan sekali gus memberi penjimatan mahupun menjana pendapatan.

"Antara tanaman terlibat ialah sayuran dan herba dengan menggunakan beberapa medium contohnya air, span atau sabut kelapa serta baja campuran," katanya.

Pameran lain yang turut menarik perhatian ialah pameran fakulti, inovasi UPM, jualan hasil pertanian dan benih pokok, pameran dan jualan orkid, pameran haiwan



MUHAMMAD



AZIZA MUHAMMAD



NURFAIZAH



RECHIE JAPIAL

**INFO**

**ACARA HARI INI**

**8 pagi hingga 12 tengah hari:**

- Pertandingan kumpang antara kolej kediaman UPM
- Pertandingan mewarna bersama Utusan
- Kayuhan Ria Terbuka 10 km on the road
- Klinik kesihatan haiwan

**2 hingga 5 petang**

- Klinik kesihatan haiwan

**8.30 hingga 10 malam**

- Persembahan kelab-kelab di bawah Seksyen Seni Budaya dan Inovasi Pelajar Kelab Dikir Barat Kijang Mas, Persatuan Seni Budaya Zhong Hua UPM
- Kelab Tarian Klasik India
- Kelab Seni Tari Adimastuli
- Kelab Band PSP
- Kelab Caklempong
- Nasyid Nahwan Nur UPM
- Persatuan Kumpang Sewar UPM



PENGUNJUNG juga berpeluang melihat haiwan ternakan yang dipamerkan di Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM yang sedang berlangsung di Bukit Ekspo UPM Serdang.

ternakan, aktiviti berkayak dan rekreasi.

Gerai Kumpulan Utusan pula menawarkan aktiviti cabutan bertuah, harga runtuh jualan majalah, studio penghias wajah, pertandingan melukis/mewarna dan karikatur.

Sementara itu, Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear UPM turut mempamerkan sejenis alat pengesan Position Emission Tomography Computed Tomography (PETCT) yang boleh mengesan penyakit kanser dengan tepat.

Menurut Juru X-ray pusat berkenaan, **Nurhafizah Mohad Azmi**, penggunaan mesin tersebut mampu membantu pesakit mendapat rawatan awal.

"Pengesanan awal terutama tisu kanser boleh membantu pesakit mendapatkan rawatan pada peringkat awal selain mampu

mengesan jangkitan kuman, radang, keadaan tisu jantung, penyakit berkaitan hormon dan saraf," ujarnya.

Dalam pada itu, bagi pengunjung dari Kajang, **Aziza Muhammad**, 27, penjualan pelbagai tanaman dengan harga yang berpatutan membuatnya tidak melepaskan peluang setiap kali ekspo itu diadakan.

"Harga yang ditawarkan di sini murah dan berpatutan selain dapat membeli pelbagai tanaman hasil penyelidikan UPM sendiri," katanya.

Bagi penuntut jurusan Sains Taman dan Rekreasi Fakulti Perhutanan UPM, **Rechie Japial**, 23, aktiviti *flying fox* merupakan antara tarikan utama ekspo berkenaan.

"Ramai yang mencuba aktiviti berkenaan yang ditawarkan secara percuma," katanya.



AKTIVITI *Flying Fox* dan *V Bridge* dijangka mendapat sambutan dari pengunjung Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM di Bukit Ekspo UPM Serdang.